



“Kebanyakan pelajar sekarang ini akan berusaha untuk menjana pendapatan semasa dan selepas pengajian kerana berdasarkan keadaan ekonomi sekarang, banyak sektor pekerjaan membekukan pengambilan pekerja. Oleh itu, berniaga ketika dan selepas belajar adalah baik sebagai pendapatan sampingan bagi menampung kos perbelanjaan harian.”

Peniaga, Aidil Afifi, 23.

04-12-2016

setempat

29

METROAHAD



metro Ahad
4/12/16
ms 29

USAH PILIH GAJI BESAR

■ **Siswazah disaran jangan pilih kerja, berniaga secara sambilan**

Asrizal Aris

asrizal.aris@hmetro.com.my

bekerja.

Lebih parah, bagi 2014, daripada 385,800 penganggur di negara ini, seramai 216,048 adalah graduan universiti dan kebanyakan mereka dipercayai tersilap

Soalan: Berdasarkan kepada cabaran ekonomi masa kini, apakah cadangan yang sewajarnya perlu dilakukan oleh graduan yang baru menamatkan pengajian di IPT?

“Bergantung kepada tahap atau kelebihan yang kita ada. Bekerja makan gaji di dalam atau luar negara ada kebaikan masing-masing. Bagaimanapun, orang yang berjaya menjadi jutawan segera hari ini, adalah disebabkan kelebihannya yang berani mengambil risiko dalam mengembangkan perniagaannya yang sudah pasti pada permulaannya menghadapi pelbagai rintangan.”



Jurutera, Iskandar Daud, 27.

“Ekonomi sekarang sudah ‘tenat’, jadi pelajar yang baru menamatkan pengajian lebih baik terus mencari kerja berbanding menyambung pengajian. Pada peringkat permulaan, pekerjaan bergaji kecil sudah memadai dan berjimat cermat untuk perancangan akan datang seperti membuka perniagaan sederhana.”



Usahawan tudung, Arnita Aris, 32.

Musim konvokesyen antara peristiwa dinantikan siswa yang menamatkan pengajian dan hari berkenaan bagaikan

syurga buat mereka selepas berhempas pulas belajar sehingga ke menara gading.

Namun menjadi persoalan buat ratusan ribu graduan tempatan dari pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) adalah langkah mereka menghadapi kehidupan yang baru.

Dengan kelulusan yang dimiliki, adakah mampu menjamin masa depan atau mereka perlu melakukan sesuatu permulaan yang baru memandangkan keadaan ekonomi dunia yang tidak stabil.


Mengikut kajian, hanya 50 peratus graduan baru menamatkan pengajian berjaya mendapat pekerjaan dan separuh sahaja daripada jumlah itu yang mampu bertahan dengan syarikat tempat mereka

langkah dalam mengatur perancangan seterusnya.

Menerusi tinjauan rambang Suara Maya laman web myMetro bertajuk:

“Berdasarkan kepada cabaran ekonomi masa kini, apakah cadangan sewajarnya perlu dilakukan graduan yang baru menamatkan pengajian di IPT?” sebanyak 45.5 peratus responden memilih cadangan untuk bekerja tanpa memilih gaji, berniaga (27.3 peratus), bekerja di luar negara (9.1 peratus) dan lain-lain (18.2 peratus).

Sementara itu, tiada responden (0 peratus) yang memilih untuk menyambung pengajian sebagai cadangan yang perlu dilakukan oleh graduan yang baru menamatkan pengajian.



“Saya rasa tidak salah untuk menyambung pengajian kerana kita akan dapat lagi besar peluang pekerjaan pada masa akan datang selain ditawarkan gaji lebih tinggi. Berdasarkan hasrat kerajaan bagi Wawasan 2020, pelajar sepatutnya sudah ada pencapaian lebih tinggi sekurang-kurangnya ijazah doktor falsafah (PhD). Maka tidaklah negara kita dibanjiri dengan pakar warga asing yang bergaji besar sedangkan kita mempunyai tenaga mahir.”



Pelajar semester akhir, Nurul Kamillah Zainal, 22.